

25 JAN 2004

Abdullah-Kemboja/I (UPDATE 1)

LAWATAN ABDULLAH PERKUKUH PERSAHABATAN M'SIA-KEMBOJA

Oleh: Muin Abdul Majid

PHNOM PENH, 25 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual tiba esok dalam peringkat akhir lawatan suai kenal beliau ke semua ibu negara Asean selaku Perdana Menteri Malaysia yang baru.

Kunjungan hormat bagi memperkukuhkan komitmen tegas Malaysia kepada rakan-rakan anggota Asean serta merapatkan hubungan dengan pemimpin serantau, telah setakat ini membawa Abdullah ke Bandar Seri Begawan, Jakarta, Singapura, Bangkok, Vientiane dan Manila.

Hubungan antara Kuala Lumpur dan Phnom Penh adalah sentiasa mesra seperti yang terbukti dengan lawatan negara oleh Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail ke Phnom Penh pada Disember 2002 dan sebelum itu kehadiran bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak Asean Kelapan di ibu negara Kemboja itu pada November, 2002.

Sebaik tiba, upacara sambutan rasmi akan diadakan di lapangan terbang.

Abdullah yang menjadi Perdana Menteri Malaysia kelima pada 31 Okt lepas kemudian akan ke Pejabat Majlis Menteri-menteri untuk mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Hun Sen.

Beliau akan kembali ke hotel untuk mengadakan sidang akhbar sebelum berjumpa masyarakat Malaysia di sini.

Pada sebelah petang, beliau akan diraikan oleh Hun Sen pada jamuan malam sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Sejak menyertai Asean pada 1999, terdapat banyak kemajuan di Kemboja tetapi ia masih merupakan antara negara Asean termiskin. Asean dibentuk pada 1967 dengan Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura menjadi anggota pengasas.

Selepas itu Brunei, Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja menyertai kumpulan Asean itu. Kemboja yang mempunyai penduduk berjumlah 13 juta orang terkenal dengan Angkor Wat serta sejarah "Killing Fields" apabila 1.7 juta rakyatnya terbunuh di bawah rejim Khmer Rouge.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata bahawa Malaysia sebagai negara pengasas Asean dan pelabur asing terbesar di Kemboja, boleh menyumbang ke arah merapatkan jurang antara anggota terbaru dan lama dalam Asean.

Semasa perbincangan dengan Hun Sen nanti, Abdullah dijangka menyampaikan kesanggupan Malaysia meningkatkan kerjasama dengan Kemboja dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan.

Beratus-ratus pegawai Kemboja telah mengikuti kursus jangka pendek dan panjang dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran, diplomasi, pengajian teknikal dan latihan vokasional di Malaysia.

Angka terbaru menunjukkan bahawa nilai perdagangan keseluruhan antara Malaysia dan Kemboja dari Januari hingga Oktober 2003, berjumlah US\$60.7 juta (RM230 juta).

Buat masa ini, lebih 40 syarikat Malaysia beroperasi di Kemboja dan jumlah modal dilaporkan melebihi US\$1.8 bilion (RM6.84 bilion).

Antara usaha niaga dalam pelbagai bidang ialah dalam sektor seperti pakaian dan tekstil, perbankan, hotel dan apartmen, petroliam, telekomunikasi, perhutanan dan pembangunan hartanah.

Satu bidang penting yang boleh diterokai oleh ahli perniagaan Malaysia di sini ialah sektor pelancongan memandangkan ia menjadi pulangan utama kepada pertumbuhan ekonomi keseluruhan negara tersebut selain industri pakaian.

Syarikat Malaysia memiliki kepakaran dan teknologi untuk dipindahkan ke Kemboja dengan syarat Phnom Penh menyediakan suasana persekitaran yang sesuai bagi membolehkan sektor swasta menerokai potensi perniagaan.

Syed Hamid berkata Abdullah dijangka memberi peringatan kepada rakyat Malaysia di Kemboja mengenai peranan dan tanggungjawab mereka semasa menjalankan operasi di negara asing.

Merujuk kepada lawatan terbaru Perdana Menteri ke Laos, Syed Hamid berkata: "Kita sangat gembira dengan imej yang dibina oleh pelabur Malaysia di Laos. Mereka diterima baik di sana dan mengukir nama yang baik untuk diri masing-masing."

Ini, katanya, menyumbang kepada imej negara dan pemimpinnya serta menjadikan bukti kukuh tentang dasar "Makmurkan Jiran" yang diamalkan oleh Malaysia.

Kemboja memang perlukan jiran yang mengambil berat tentangnya dan dan dasar Malaysia tentang jirannya itu merupakan satu mesej yang dijangka disampaikan oleh Abdullah dalam lawatannya esok.

-- BERNAMA

MAM MFJ DC MAI MOZ